

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

1. DEFINISI

- 1.1 **“Agen Pengeposan atau Bulkmailer”** bermaksud pihak yang dilesen oleh Pos Malaysia untuk mengendalikan pengeposan bagi pihak ketiga termasuk End-Client;
- 2.1 **“Akaun Imprest”** bermaksud akaun khas untuk tujuan pembayaran Perkhidmatan yang diberi kepada Pemegang Lesen;
- 3.1 **“End-Client”** bermaksud individu atau syarikat yang telah didaftarkan sebagai Pemegang Lesen;
- 4.1 **“Hari Bekerja”** bermaksud hari (selain daripada Ahad, Sabtu pertama setiap bulan atau cuti umum), di mana Pos Malaysia dibuka untuk perniagaan di lokasi masing-masing di Malaysia. Di negeri-negeri di mana Pos Malaysia ditutup untuk perniagaan pada hari selain daripada Sabtu, Ahad dan / atau cuti umum, "Hari Bekerja" akan ditafsirkan dan mentafsirkan sewajarnya.
- 5.1 **“Lesen”** bermaksud lesen yang telah diluluskan dan dikeluarkan oleh POS MALAYSIA BERHAD kepada pemohon untuk menggunakan Perkhidmatan tersebut secara berlesen;
- 6.1 **“Pemegang Lesen”** bermaksud pemohon yang berjaya mendapatkan kelulusan untuk menggunakan Perkhidmatan tersebut; sama ada sebagai Agen Pengeposan atau Bulkmailer ataupun End- Client
- 7.1 **“Perkhidmatan”** bermaksud perkhidmatan Bayaran Pos Jelas yang disediakan kepada pelanggan yang membuat pengeposan surat secara pukal tanpa perlu menggunakan setem atau perkhidmatan frangki;
- 8.1 **“Pos Malaysia”** bermaksud POS MALAYSIA BERHAD (Nombor Syarikat 229990M) yang mempunyai alamat berdaftar di Level 8, Ibu Pejabat Pos, Kompleks Dayabumi 50670 Kuala Lumpur;
- 9.1 **“Pusat Mel”** bermaksud Pusat Mel pukal seperti yang disenaraikan di Lampiran 1 atau mana-mana premis yang ditentukan oleh Pos Malaysia dari semasa ke semasa; dan
- 10.1 **“Retour”** bermaksud item-item yang gagal diserahkan kepada penerima, dikembalikan ke alamat Pemegang Lesen.

2. KAEDAH PEMBAYARAN

2.1 Pembayaran Perkhidmatan ini boleh dibuat pada bila-bila masa seperti di bawah:

Jenis Bayaran	Cara Bayaran
Tunai	<ul style="list-style-type: none"> • Di Kaunter BMC.
Draf Bank	<ul style="list-style-type: none"> • Di Kaunter BMC.
Pesanan Tempatan – LPO (untuk agensi kerajaan sahaja)	<ul style="list-style-type: none"> • Di Kaunter BMC. • Nombor Akaun Imprest dan nombor inbois perlu dinyatakan sekali dalam Pesanan Tempatan.
Cek Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Nombor Akaun Imprest perlu dinyatakan dibelakang cek, sebagai rujukan. • Maklumat yang perlu disertakan adalah: <ul style="list-style-type: none"> ○ Nama Akaun : Pos Malaysia Berhad dan disertakan Jaminan Bank yang sah tempoh lakunya. ○ Nama Bank : HSBC Bank Malaysia Berhad ○ No. Akaun bagi pelanggan korporat : 001-139377-023
EFT / TT / “Interbank Giro”	<ul style="list-style-type: none"> • Kredit secara “online” ke akaun Pos Malaysia yang ditetapkan. • Maklumat yang perlu disertakan adalah: <ul style="list-style-type: none"> ○ Nama Akaun : Pos Malaysia Berhad ○ No. Akaun bagi pelanggan korporat : 001-139377-023 ○ Swift Code : HMABMYKL ○ Nama Bank : HSBC Bank Malaysia Berhad ○ Alamat Cawangan : Pos Malaysia Berhad, Jabatan Kewangan dan Akaun, Tingkat 7, Kompleks Dayabumi, 50670 Kuala Lumpur. • Nombor Akaun Imprest perlu dinyatakan sekali dalam salinan EFT/TT/IBG • Dokumen perlu email kepada corp.custTT@pos.com.my sebagai bukti pembayaran.

2.2 Pos Malaysia akan menolak/“set-off” sebarang caj yang dikenakan oleh pihak bank, institusi kewangan atau kerajaan dari jumlah pembayaran yang dibuat.

2.3 Sebarang pembayaran yang akan dibuat oleh Pemegang Lesen kepada Pos Malaysia bagi Perkhidmatan ini adalah tidak termasuk apa-apa cukai perkhidmatan, cukai barangan dan perkhidmatan (sekiranya terpakai) atau apa-apa cukai, duti, levi, caj, yang dikenakan oleh Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkaitan pada masa sekarang atau masa hadapan (“Cukai tersebut”).

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

- 2.4 Sekiranya Cukai tersebut dikenakan ke atas pembayaran Pos Malaysia akan menolak jumlah Cukai tersebut dari jumlah pembayaran yang dibuat oleh Pemegang Lesen setiap kali Perkhidmatan digunakan. Penolakan Cukai tersebut akan dinyatakan di dalam resit penerimaan penyerahan.
- 2.5 Pos Malaysia akan menambah nilai ke Akaun Imprest Pemegang Lesen mengikut nilai bersih yang dikreditkan ke akaun Pos Malaysia.
- 2.6 Pembayaran invoice Pesanan Tempatan hendaklah dibuat dalam tempoh **tiga puluh (30) Hari** dari tarikh invoice dikeluarkan.

3. PROSEDUR PERKHIDMATAN

- 3.1 Jumlah minima pengeposan mel menggunakan Perkhidmatan ini adalah **satu ratus (100) pucuk bagi setiap pengeposan**.
- 3.2 Pengeposan mel mestilah dibuat menerusi kaunter Pusat Mel sahaja.
- 3.3 Surat-surat yang dipohon tersebut mestilah disusun seragam mengikut bentuk, saiz, berat kadar bayaran pos yang sama.
- 3.4 Surat-surat tersebut mestilah disusun hadap serta diikat dengan kemas dalam jumlah yang sama bagi setiap ikatan. Contohnya: 100 keping untuk 1 ikatan.
- 3.5 Setiap pengeposan MESTILAH dilampirkan dengan doket pengeposan yang ditetapkan seperti di bawah ini dan butiran diisi dengan lengkap dan betul.

<u>Pengeposan</u>	<u>Jenis borang / doket</u>
Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Posmel 64 / 61 / E-Doket
Luar negara	<ul style="list-style-type: none">• Borang khas OBM 2/95• Docket pengeposan mel pukal Pos Mel 61/64

- 3.6 Alamat pengirim MESTILAH dicetak di bahagian atas sebelah kiri atau di bahagian belakang sampul yang dialamatkan ke atas nombor peti surat atau beg karung berkunci bagi tujuan retour.

Pos Malaysia boleh mengkaji semula dan berhak meminda Terma dan Syarat Perkhidmatan ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Pos Malaysia dan/atau Akta Perkhidmatan Pos 2012, keperluan undang-undang, peraturan yang terpakai. Sebarang pindaan dan versi baru Terma dan Syarat Perkhidmatan ini boleh didapati di Pusat Mel

Pemegang Lesen dan Agen Pengeposan atau Bulkmailer adalah bertanggungjawab untuk memastikan menyemak dengan Pusat Mel dan mendapatkan Terma dan Syarat Perkhidmatan yang terkini.

4. PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS DENGAN LESEN

4.1 PERMOHONAN LESEN

4.1.1 Permohonan Lesen perlu dikemukakan kepada Pengurus Operasi Negeri/ Pengurus Operasi Wilayah/ Pengurus Pusat Mel Perniagaan menerusi Pusat Mel di semua negeri menggunakan borang Pos Mel 60, seperti yang dilampirkan di Lampiran 2. Setiap permohonan MESTI disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- a. Surat Asal Permohonan Pembukaan Akaun Pos Jelas
- b. satu (1) salinan Kad Pengenalan (warganegara Malaysia) atau Passport (bukan warganegara);
- c. satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat;
- d. satu (1) salinan Borang 9, 13 (jika ada), 24 (yang terkini) dan 49 (yang terkini);
- e. contoh sampul pengeposan; dan
- f. sebarang dokumen yang diperlukan oleh Pos Malaysia dari semasa ke semasa.

4.1.2 Borang Pos Mel 60 dan dokumen sokongan berkaitan perlu dialamatkan kepada alamat Pusat Mel yang berkaitan dengan merujuk Lampiran 1, contoh format adalah seperti di bawah:

Contoh Format:	Contoh Permohonan Bertulis:
Pengurus Operasi Negeri Pos Malaysia [sila nyatakan negeri permohonan] [Sila nyatakan alamat Pejabat Pos Besar] [Sila nyatakan poskod] [Sila nyatakan negeri]	Pengurus Operasi Negeri Pos Malaysia Pahang, Pejabat Pos Besar Kuantan JKR 1436, Jalan Abdul Aziz, 25670 Kuantan Pahang Darul Makmur

4.1.3 Setiap permohonan perlu di hantar kepada Pusat Mel yang berdekatan sama ada melalui permohonan terus ke Pusat Mel tersebut, permohonan secara bertulis atau penghantaran melalui e-mel.

4.1.4 Sebelum membuat sebarang permohonan, pemohon perlu membaca terma-terma Notis Perlindungan Data Peribadi Pos Malaysia Berhad yang tertera di www.pos.com.my dan dengan menghantar borang permohonan yang lengkap,


**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN
BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN**

pemohon dengan ini memahami dan memberi persetujuan terhadap terma-terma Notis Perlindungan Data Peribadi tersebut.

- 4.1.5 Pos Malaysia boleh mengikut budi bicara mutlakny menerima atau menolak permohonan tersebut tanpa memberi apa-apa sebab. Lesen hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.
- 4.1.6 Permohonan yang berjaya akan dikenakan bayaran pendaftaran berjumlah **RM1000.00** sebagai caj pendaftaran. Bayaran MESTI dilakukan secara tunai di Pusat Mel yang meluluskan permohonan tersebut atau dengan menggunakan Draft Bank atas nama "Pos Malaysia Berhad". Bayaran ini tidak boleh dikembalikan.
- 4.1.7 Setiap Pemegang Lesen akan diberikan nombor Lesen dan nombor Akaun Imprest.
- 4.1.8 Lesen tersebut adalah merupakan hak milik Pos Malaysia dan ianya tidak boleh dipindah milik oleh Pemegang Lesen kepada mana-mana pihak dalam apa-apa cara melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Pos Malaysia.

4.2 SYARAT-SYARAT KHAS PENGEPOSAN


- 4.2.1 Setiap sampul MESTILAH mempunyai cetakan tekanan "**BAYARAN POS JELAS**" atau "**POSTAGE PAID**", "**NAMA PUSAT MEL**" serta perkataan "**MALAYSIA**" dan "**NOMBOR LESEN**".
- 4.2.2 Pemegang Lesen perlu memastikan setiap sampul surat dicetak dengan tekanan mengikut ukuran yang telah ditetapkan seperti berikut :

CONTOH TEKAPAN:

- 4.2.3 Cetakan tekanan dan tulisan hendaklah berwarna HITAM sahaja, jelas dengan menggunakan jenis tulisan "Arial". Semua perkataan ditulis dengan menggunakan huruf besar serta dibuat di sudut atas sebelah kanan sampul surat (sampul surat menghadap hadapan). Tekapan tersebut tidak boleh menggunakan cop getah atau ditampal menggunakan label pelekat.
- 4.2.4 Cetakan tekanan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan akan dianggap sebagai pengeposan TANPA LESEN dan tiada kelayakan untuk mendapatkan rebat.

**TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN
BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN**

- 4.2.5 Jika didapati tiada sebarang cetakan tekanan pada sampul surat pengeposan pelanggan, Pos Malaysia berhak untuk mengenakan kadar tambahan pengeposan kepada pelanggan. Kadar tambahan pengeposan adalah tertakluk kepada kadar tambahan pengeposan semasa yang ditetapkan.
- 4.2.6 Tekapan di atas label hendaklah dilakukan dalam zon tekapan bayaran pengeposan seperti gambar rajah di bawah :-



- 4.2.7 Lesen ini adalah tertakluk kepada dan tiada menyentuh apa-apa hak yang sekiranya ini atau mungkin pada masa ini masih ada atau dituntut atau dibenarkan ada di bawah atau oleh sebab undang-undang yang berkaitan, dan Pos Malaysia, tidak akan bertanggungjawab jika pada masa ini atau pada masa yang akan datang pemilik Akaun Imprest melanggar atau dikatakan melanggar mana-mana hak (rujuk perenggan 4.3)
- 4.2.8 Pemegang Lesen tidak dibenarkan menggunakan cetakan tekanan sekiranya Pemegang Lesen telah diberikan notis secara bertulis daripada pihak Pos Malaysia.
- 4.2.9 Pihak Pos Malaysia berhak membuat audit terhadap Pemegang Lesen pada bila-bila masa sekiranya perlu bagi memastikan maklumat yang didaftarkan oleh Pemegang Lesen adalah sah.
- 4.2.10 Sekiranya audit dijalankan terhadap Pemegang Lesen, Pemegang Lesen wajib memberikan mana-mana dokumen yang diperlukan oleh Pos Malaysia bagi tujuan tersebut. Kegagalan memberikan dokumen yang diperlukan atau sekiranya terdapat penipuan dan pemalsuan dokumen akan menyebabkan Lesen terbatal serta merta.

4.3 LARANGAN DAN DENDA SEMASA PENGEPOSAN

Pemegang Lesen adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut:-

- 4.3.1 membuat pengeposan item-item yang mempunyai cetakan tekanan ke dalam mana-mana peti pos. Jika dijumpai, denda akan dikenakan sebanyak **dua (2) kali ganda kadar bayaran pos boleh dikenakan**.
- 4.3.2 membuat serahan item-item yang mempunyai cetakan tekanan kepada penerima secara sendiri atau melalui agen yang tidak berlesen.

4.4 PEMBERIAN REBAT

- 4.4.1 Syarat-syarat pemberian rebat adalah tertakluk kepada terma dan syarat rebat semasa. Pemegang Lesen yang berkecualan boleh mendapatkan rebat yang ditentukan oleh Pos Malaysia dari semasa ke semasa.
- 4.4.2 Pemberian atau penolakan rebat yang diberikan kepada Pemegang Lesen adalah tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan pihak pengurusan Pos Malaysia.
- 4.4.3 Kadar rebat semasa adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Pos Malaysia dengan mengikut klasifikasi serta jenis mel yang telah dipersetujui.

Elemen Rebate	Mel Standard	Mel Bukan Standard	PosDokumen	Terbitan Berkala
Pengeposan awal sebelum 10:00 am ATAU	3%	3%		
Pengeposan awal selepas 10:00 am dan sebelum 12:00 pm	1%	1%	1%	1%
Pre-sort berdasarkan pada Pelan Agihan	6%	7%	7%	7%
Total Maksimum Rebate	9%	10%	8%	8%

- 4.4.4 Pos Malaysia pada bila-bila masa berhak menarik balik pemberian rebat sekiranya Pemegang Lesen didapati melakukan salah satu perkara-perkara seperti berikut:
 - a. jika semasa pengeposan dilakukan di Pusat Mel dan terdapat item atau item-item luar negara **bercampur** dengan item atau item-item domestik.
 - b. sekiranya item atau item-item yang telah diisih **tidak mengikut label poskod** yang telah disediakan.

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

- c. Item atau item-item **tidak mengikut jenis, saiz, berat serta kadar bayaran pos** yang seragam.
- d. item atau item-item yang diterima **tidak menepati syarat kelayakan rebat** seperti berikut:

Kriteria	Syarat
Minima Pengeposan	<ul style="list-style-type: none"> • Surat Standard : 10 ribu keping • Surat Bukan Standard : 5 ribu keping • Terbitan Berkala : 5 ribu keping • PosDokumen : 5 ribu keping
Penggunaan Trays/ Roller Cages/ Pallets	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran Sekuriti Deposit • Isihan mel mengikut Skema Isihan
Dokumen Pengeposan	E-Docket

4.5 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

4.5.1 POS MALAYSIA

- a. Pos Malaysia berhak untuk menuntut terhadap Pemegang Lesen sebarang pampasan yang dialami oleh Pos Malaysia akibat dari mana-mana tindakan, tinggalkan, kegagalan, kecuaiian, keingkaran atau kesilapan oleh Pemegang Lesen termasuklah tetapi tidak terhad kepada ketidakpatuhan piawaian, penyelewengan dan pecah amanah dalam melaksanakan tanggungjawab Pemegang Lesen di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan ini.
- b. Pos Malaysia berhak menggantung, menarik balik atau membatalkan penggunaan lesen bagi Pemegang Lesen sekiranya pada pendapat Pos Malaysia, Pemegang Lesen telah menyalahgunakan perkhidmatan ini..
- c. Pos Malaysia berhak menggantung, menarik balik atau membatalkan penggunaan lesen bagi Pemegang Lesen sekiranya didapati terdapat pemalsuan atau pindaan pada doket pengeposan atau "E-Docket" setelah pengeposan dilakukan di mana-mana Pusat Mel berkenaan.
- d. Sebarang notis mengenai penggunaan lesen yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia kepada Pemegang Lesen dianggap sudah serah sekiranya diserahkan dan dialamatkan melalui pos biasa kepada Pemegang Lesen mengikut alamat semasa memohon atau alamat terakhir mengikut dalam rekod Pos Malaysia yang diketahui oleh Pos Malaysia .
- e. Terma dan Syarat Perkhidmatan serta jadual-jadual yang terkandung ini akan dipinda dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan budi bicara Pos

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

Malaysia dan/atau Akta Perkhidmatan Pos 2012 dan sebarang pindaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang Pos Malaysia Berhad ; www.pos.com.my.

4.5.2 PEMEGANG LESEN

4.5.2.1 “END-CLIENT”

- a. “End-client” mempunyai hak untuk melantik Bulk mailer atau Agen Pengeposan yang berdaftar dengan Pos Malaysia untuk mengeposkan item-item di Pusat Mel berkenaan yang telah berdaftar .
- b. “End-client” perlu menghantar surat makluman kepada Pusat Mel berkenaan bagi menyatakan lantikan ke atas mana-mana Agen Pengeposan.
- c. “End-client” mempunyai hak untuk mengakses “Customer Portal” yang telah disediakan oleh Pos Malaysia kepada Pemegang Lesen bagi proses penyediaan docket secara “online”, semakan status pengeposan, dan baki akaun semasa.
- d. “End-client” MESTI menyediakan surat kelulusan secara rasmi kepada Pusat Mel berkenaan, tentang kebenaran penolakan Akaun Imprest melalui Akaun Imprest Agen Pengeposan yang telah dilantik, walaupun cetakan tekapan adalah menggunakan nombor lesen “End-Client”. Surat kelulusan secara rasmi ini MESTI disertakan semasa pengeposan dilakukan di Pusat Mel.

Sebarang perubahan, penambahan, penolakan atau pemberian rebat pada Akaun Imprest “End-Client” perlu disahkan oleh petugas Pos Malaysia setelah mendapat pengesahan dan persetujuan atau lain-lain maklumat daripada “End-Client”. Namun sebarang pemberian rebat adalah bergantung kepada kadar rebat semasa (rujuk perenggan 4.4.3)

4.5.2.2 AGEN PENGEPOSAN ATAU BULKMAILER

- a. Agen pengeposan ialah Pemegang Lesen yang mengendalikan pengeposan item-item secara pukal bagi mana-mana pihak ketiga atau “End-Client”. Pengeposan bagi pihak “End-Client” perlulah mendapatkan lantikan dari pihak “End-Client” tersebut dan diluluskan oleh Pos Malaysia.
- b. Agen pengeposan adalah DIWAJIBKAN untuk mendaftar sebagai Pembekal kepada Pos Malaysia Berhad. Hanya agen

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

pengeposan yang BERDAFTAR sahaja yang DIBENARKAN untuk mengendalikan dan mengepos item-item bagi mana-mana pihak ketiga atau “End-Client”. Terma dan syarat pendaftaran pembekal adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Pos Malaysia.

- c. Agen Pengeposan dibenarkan untuk menguruskan pengeposan item-item “End-Client” yang mempunyai cetakan tekanan milik “End-Client”, namun Agen Pengeposan dikehendaki menunjukkan surat kelulusan daripada “End-Client” ketika membuat pengeposan di Pusat Mel.
- d. Agen Pengeposan adalah DIWAJIBKAN untuk menyatakan nama End Client pada ruangan ‘Remarks’ docket pengeposan / e-docket semasa pengeposan item – item di Pusat Mel. Kegagalan bagi menyatakan nama End Client setiap item – item yang dipos boleh menyebabkan item – item tersebut DITOLAK semasa pengeposan di Pusat Mel.
- e. Agen Pengeposan adalah dilarang untuk membuat sebarang perubahan, penambahan, penolakan dan pemberian rebat kepada mana-mana akaun Agen Pengeposan yang lain.
- f. Agen Pengeposan berhak menerima sebarang rebat yang diberikan oleh pihak Pos Malaysia sekiranya cetakan tekanan adalah milik Agen Pengeposan dan penolakan dibuat ke atas akaun Agen Pengeposan tersebut. Namun, sekiranya cetakan tekanan pada sampul pengeposan adalah milik “End-Client”, Agen Pengeposan MESTI menyertakan surat kelulusan daripada “End-Client” yang membenarkan penolakan penolakan Akaun Imprest melalui Akaun Imprest Agen Pengeposan.
- g. Sebarang perubahan, penambahan, penolakan dan pemberian rebat pada Akaun Imprest Agen Pengeposan perlu disahkan oleh petugas Pos Malaysia setelah mendapat pengesahan dan persetujuan atau lain-lain daripada “End-Client”. Namun sebarang pemberian rebat adalah bergantung kepada kadar rebat semasa (rujuk perenggan 4.4.3)

5. INDEMNITI PEMEGANG LESEN

5.1 Pemegang Lesen akan mematuhi Terma dan Syarat Perkhidmatan ini dan bersetuju dan berjanji kepada Pos Malaysia bahawa:

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

- (a) Pemegang Lesen akan menyediakan, memastikan, melaksanakan dan menggunakan Perkhidmatan tersebut mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan dengan cepak, baik, lancar, lengkap, sempurna serta memuaskan dan mengikut segala piawaian yang ditetapkan oleh Pos Malaysia.
- (b) Akan sepenuhnya melindungi dan menanggung kos kerugian Pos Malaysia daripada segala tindakan, prosiding, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti (samada sivil atau jenayah termasuk yuran guaman dan kos yang dikeluarkan) dan penalti yang mana boleh dibawa atau dibuat terhadap Pos Malaysia akibat dan/ atau yang berbangkit daripada Pemegang Lesen menggunakan Perkhidmatan termasuk tidak terhad kepada:
 - (i) Mana-mana tindakan, tinggalkan, kegagalan, kecuaiian, keingkaran atau kesilapan oleh Pemegang Lesen termasuklah tidak mematuhi piawaian penyelewengan dan pecah amanah, dalam melaksanakan tanggungjawab Pemegang Lesen menurut Terma dan Syarat Perkhidmatan; dan
 - (ii) Tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga akibat daripada dan/ atau berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan oleh Pemegang Lesen.
- (c) Tidak akan membuat sebarang tindakan tuntutan, prosiding terhadap Pos Malaysia untuk apa-apa kerugian dan/ atauliabiliti (samada sivil atau jenayah termasuk yuran guaman dan kos yang dikeluarkan) untuk apa-apa perkara yang berbangkit daripada dan/ atau yang berkaitan dengan perkhidmatan di sini.

6. KEMASKINI MAKLUMAT DAN DATA PEMEGANG-PEMEGANG LESEN

- 6.1 Sebarang penambahan, perubahan, pertukaran dan keciciran maklumat pemegang-Pemegang Lesen di dalam "Customer Portal" perlulah dimaklumkan secara bertulis kepada pengurusan Pusat Mel yang berkenaan.
- 6.2 Sekiranya terdapat pertukaran nama dan alamat syarikat, Pemegang Lesen perlu dengan kadar segera menyediakan surat makluman secara bertulis serta dilampirkan bersama salinan Borang 13 yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada pengurusan Pusat Mel berkenaan bagi mengelakan sebarang masalah semasa pengeposan dilakukan.
- 6.3 Penyeleggaran maklumat MESTILAH diselenggara sekurang – kurangnya 6 bulan sekali. Kegagalan pihak pelanggan untuk menyelenggara maklumat pada Customer Portal boleh menyebabkan akaun pelanggan ditamatkan.

7. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

7.1 Pemegang Lesen akan mematuhi peruntukkan-peruntukkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan dengan perlindungan data peribadi, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

8. PERTUKARAN PEJABAT PENGEPOSAN / PUSAT MEL

8.1 Pos Malaysia berhak untuk melaksanakan sebarang pertukaran, perubahan atau penambahan pejabat pengeposan yang bersesuaian mengikut keperluan pihak Pos Malaysia.

8.2 Pihak Pos Malaysia tidak akan menanggung sebarang kos-kos pertukaran, perubahan atau penambahan pejabat pengeposan yang terlibat bagi Pemegang Lesen.

8.3 Pemegang Lesen MESTI menyediakan surat makluman secara rasmi kepada pengurusan Pusat Mel berkenaan sekiranya terdapat perubahan pejabat pengeposan.

8.4 Pengurusan Pusat Mel berkenaan adalah berhak tidak menerima pengeposan item-item yang dilakukan oleh Pemegang Lesen sekiranya pengeposan dilakukan di pejabat yang tidak didaftarkan keatas akaun Pemegang Lesen.

Sebarang perubahan, pertukaran dan penambahan yang berkaitan maklumat dan data Pemegang Lesen serta perubahan, pertukaran dan penambahan pejabat pengeposan bagi Pemegang Lesen adalah tertakluk kepada kelulusan dan persetujuan Pos Malaysia.

9. PENENTUAN KADAR BAYARAN

Kadar bayaran bagi item-item yang diposkan di Pejabat Pengeposan/ Pusat Mel adalah mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh Pos Malaysia.

10. PENAMATAN, PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN

10.1 Pos Malaysia berhak untuk menarik balik atau membatalkan atau menggantung Lesen sekiranya Pos Malaysia mendapati:

- (i) Pemegang Lesen melanggar mana-mana syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pemegang Lesen.
- (ii) Pos Malaysia berhak untuk menarik balik atau membatalkan atau menggantung lesen sekiranya Pos Malaysia mendapati Akaun Imprest yang tidak aktif dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesen;

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN BAYARAN POS JELAS (BPJ) BAGI PEMEGANG LESEN

dimana sebarang baki yang terdapat pada Akaun Imprest Pemegang Lesen tersebut adalah hak milik Pos Malaysia dan Pemegang Lesen tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan keatas baki tersebut.

- 10.2 Pemegang Lesen boleh membuat penutupan akaun dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada pejabat pengeluar lesen atau Pusat Mel.
- (i) Selepas menerima permohonan penutupan akaun tersebut, Pos Malaysia akan membuat semakan terhadap Akaun Imprest dan sekiranya terdapat sebarang baki tertunggak yang perlu dibayar oleh Pemegang Lesen, baki tertunggak tersebut perlu diselesaikan sebelum penutupan akaun boleh diluluskan.
 - (ii) Penamatan hanya akan dilakukan setelah baki tertunggak tersebut dijelaskan oleh Pemegang Lesen dalam tempoh empat belas (14) Hari Bekerja dari surat/ notis dikeluarkan.
 - (iii) Tarikh penutupan akaun akan dimaklumkan oleh Pos Malaysia dan cetakan baki terakhir transaksi Pemegang Lesen bagi pengesahan dan pembayaran balik perlulah dicetak dalam tempoh empat belas (14) Hari Bekerja selepas tarikh penutupan akaun bagi Perkhidmatan tersebut.
- 10.3 Sekiranya tiada tuntutan dilakukan dalam tempoh empat belas (14) Hari Bekerja dari surat/ notis dikeluarkan, baki yang terdapat pada Akaun Imprest adalah hak milik Pos Malaysia dan Pemegang Lesen tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan keatas baki tersebut.